

J. P.U. 50.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN DENDA (LESEN)
(MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG) 2011

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Perbandaran Pasir Gudang) 2011** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lesen” termasuklah semua jenis lesen tahunan atau sementara yang telah diluluskan oleh Yang Dipertua yang wajib diperbaharui setiap 1 haribulan Januari tiap-tiap tahun atau setelah tamat tempoh sah lakunya suatu lesen kecuali digantung atau dibatalkan oleh Yang Dipertua;

“Pemegang lesen” ertinya orang atau syarikat yang kepadanya dikeluarkan sesuatu lesen di bawah mana-mana Undang-undang Kecil yang dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh Majlis;

“Tamat tempoh lesen” ertinya lesen yang sah tempoh lakunya sehingga 31 Disember tiap-tiap tahun atau sehingga tamat tempoh sah lakunya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Setiausaha.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Kesalahan

4. (1) Tiada seorang boleh menggunakan mana-mana premis untuk tujuan menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Majlis terlebih dahulu.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua selepas tempoh pengecualian denda.

Memperbaharui lesen

5. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memperbaharui lesen selepas tamat tempoh lesen tersebut.

Tempoh pengecualian denda

6. Yang Dipertua boleh atas budibicaranya memberi pengecualian denda ke atas lesen-lesen yang diperbaharui mulai 1 Januari hingga 31 Mac setiap tahun dan tiada apa-apa pengecualian denda boleh diberikan setelah tamat tempoh tersebut.

Bayaran denda

7. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mengenakan denda sebagaimana kadar yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya seseorang bertindak berlawanan dengan Undang-undang Kecil 3 di dalam Undang-undang Kecil ini.

JADUAL

- (a) Denda Maksimum — 10 kali ganda daripada bayaran lesen tahunan
- (b) Denda Minimum — 2 kali ganda daripada bayaran lesen tahunan

Bertarikh

[MPPG:UUU/PA/2/49]

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Disahkan pada 25 November 2009

[K.T. 24/69 Jld. 10(35)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PAYMENT OF FINES (LICENSE)

(PASIR GUDANG MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2011

In exercise of the powers conferred by section 104 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority makes the following By-Laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Payment of Fines (License) (Pasir Gudang Municipal Council) By-Laws 2011** and shall apply only to the area of Pasir Gudang Municipal Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“License” includes all type of annually or temporary license issued by the President, which shall be renewed every year on 1st day of January, or at the expiry of validity of the license unless suspended or repealed by the President;

“Licensee” means the person or company to whom the license is issued by the Pasir Gudang Municipal Council under any By-Laws which made under Local Government Act 1976;

“expired license” means the period for which the license shall be valid until 31st day of December every year or any other period describes in the license;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of a Pasir Gudang Municipal Council and includes the Secretary.

Policies, circular and others

3. Policies, Government Circular or written instruction from the President or other Ministry or Department or Government Agency which may think fit and relevant and agreed by the President, shall be applied with these By-Laws from time to time.

Offence

4. (1) No person shall use any premises for carrying on any trade, business or industry without prior renewing a license issued by the Council.

(2) None of the licensee shall carrying any trade, business or industry without renewing a license issued by the President after the period of fine exclusion.

Renewal of the license

5. Every licensee shall renew the license after the expiry of the said license.

Period of fine exclusion

6. The President may on his discretion, allows any fine exclusion on the renewed licenses starting from 1st day of January to 31st day of March every year and no fine exclusion may be given after the said expiry period.

Payment of fine

7. If any person who acts in contravention of By-Laws 4 of these By-Laws, the President or any officer authorized by him may impose a fine as to the rate describes in the Schedule.

SCHEDULE

- (a) Maximum Fine — 10 times of the annual license fee
- (b) Minimum Fine — 2 times of the annual license fee

Dated
[MPPG:UUU/PA/2/49]

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
President
Pasir Gudang Municipal Council

Confirmed on the 25 November 2009
[K.T. 24/69 Jilid 10(35)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore

J. P.U. 51.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PENGAWALAN DAN PENGAWASAN
TEMPAT-TEMPAT MAKAN (MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I
PENDAHULUAN**

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (Majlis Perbandaran Pasir Gudang) 2011** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daging” ertinya daging apa-apa binatang yang disembelih yang akan digunakan untuk makanan manusia samada yang baru atau disediakan secara pembekuan, penyejukan, awetan, pemasan atau dengan apa jua proses;